

## Ulasan Buku/*Book Review*

*Perkembangan Awal Nahu Arab*. Oleh Kamarul Shukri Mat Teh. 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 189 halaman. Ulasan oleh Azman Che Mat.

Tidak seperti kebanyakan buku ilmiah yang biasa diketemui, buku ini tidak mempunyai prakata yang biasanya disampaikan oleh tokoh dalam bidang berkenaan. Justeru, penulis sendiri memberi kata pengantar untuk karyanya. Hal ini mungkin disebabkan kesempitan masa atau penulis sendiri terlepas pandang akan tradisi keilmuan ini.

Buku ini mempunyai tujuh bab yang mencakupi kemunculan ilmu Nahw, gejala *lahn*, pengasas ilmu Nahw, penghujahan ilmu Nahw, sejarah perkembangan, ekspedisi ke Baghdad dan penutup. Keseluruhan bab yang dihidangkan ini sememangnya berkait rapat dengan judul buku yang menjurus kepada sejarah ilmu nahw bahasa Arab.

Dalam bab pertama, perbincangan berkisar kepada faktor-faktor yang mendorong kenapa ilmu nahw perlu ditulis. Sebelum itu, penamaan ilmu tatabahasa Arab juga dibincangkan, mengapa nama nahw yang digunakan. Walhal, orang Arab sudah pun mempunyai istilah al-Arabiyyah untuk merujuk kepada ilmu ini (hlm. 3). Selepas itu, penulis kemudian mengemukakan pendapat bahawa istilah al-Arabiyyah sebenarnya digunakan sebelum istilah al-Nahw yang diajukan oleh Ali RA kepada Abu Aswad dalam ucapannya yang masyhur: أَنْخَ هَذَا النَّحْوُ (tujulah seumpama ini) (hlm. 4). Beliau kemudiannya menyimpulkan tiga faktor utama yang menyebabkan ilmu Nahw muncul dalam tamadun Islam iaitu; bahasa itu sendiri, sosial masyarakat dan agama Islam.

Bab kedua pula menunjukkan penulis memperkenalkan istilah *lahn* (pencemaran bahasa) yang menjadi faktor kepada pertumbuhan ilmu Nahw dan keperluan membukukannya. Hal ini sudah pasti memberi kesan kepada pembaca yang melihat bahawa tiga faktor utama yang membantu pertumbuhan ilmu ini diperincikan lagi dalam bab kedua. Contohnya, penulis terus menjelaskan bahawa *lahn* merupakan gejala yang telah lama wujud...bibit-bibit *lahn* mula dikesan semasa Rasulullah s.a.w masih hidup lagi (hlm. 19). Berdasarkan penelitian, jelaslah bahawa gejala *lahn* ini sebenarnya yang menjadi isu utama dalam faktor bahasa, sosial dan agama.

Pengasas sebenar ilmu Nahw pula dibincangkan dalam bab yang ketiga. Tokoh yang sering disebut-sebut sebagai pengasas ilmu nahu ialah Abu Aswad al-Du'ali. Meskipun begitu, terdapat pandangan lain

yang menolak Abu Aswad al-Du'ali sebagai pengasas ilmu Nahw, sebaliknya percaya bahawa Nasr b. Asim dan °Abdul Rahman b. Hurmuz sebagai pengasas sebenar. Namun penulis berjaya mengemukakan hujah untuk menguatkan lagi fakta bahawa Abu Aswad sebagai pengasas ilmu Nahw yang dicetuskan oleh Umar RA. Kemudian tokoh seperti °Abdul Rahman b. Hurmuz adalah penyambung kepada ilmu Nahw dan mengembangkannya di Madinah selepas mempelajari ilmu Nahw daripada Abu Aswad di Basrah (hlm. 41). Rentetan daripada itu banyak yang menyangka beliau sebagai pengasas ilmu ini.

Seterusnya penulis menjelaskan sumber-sumber utama yang menjadi tonggak kepada pembentukan ilmu Nahw dalam bab keempat. Beliau membahagikan sumber utama penghujahan ilmu Nahw adalah empat iaitu: al-Quran, Qiraat, Hadis dan ungkapan bangsa Arab. Al-Quran sumber utama penghujahan Nahw adalah diterima secara sepakat oleh pengasas dan sarjana bahasa Arab sama ada dari aliran Basrah atau Kufah (hlm. 53). Meskipun begitu aliran Kufah dilihat lebih patuh dan konsisten dengan kaedah yang dikemukakan dalam al-Quran sebagai asas pembinaan ilmu Nahw aliran ini berbanding aliran Basrah. Hujah Qiraat pula berbeza dengan al-Quran meskipun ia kelihatan sama seperti daripada sumber yang sama (hlm. 55). Hal ini kerana Qiraat lebih tertumpu kepada cara atau kaedah sebutan sesuatu perkataan dalam satu ayat. Cara penghujahan dengan dalil Qiraat juga tidak berbeza dengan cara penghujahan yang diambil daripada al-Quran. Oleh kerana aliran Kufah dilihat sebagai amat cenderung menggunakan Qiraat sebagai sumber pembentukan Ilmu Nahw, maka Kufah menjadi pusat pengajian Qiraat yang aktif (hlm. 59).

Hadis sebagai penghujahan Nahw juga disokong kuat oleh sebuah hadis riwayat Bukhari yang berbunyi: بُعِثْتُ بِجَوَامِعِ الْكَلِمِ “*Aku telah diutuskan dengan kata-kata yang singkat dan padat*” (hlm. 60). Namun begitu, sarjana tatabahasa semenjak era Abu Aswad hingga Ibn Malik tidak menjadikan Hadis sebagai sumber penghujahan dan dalil menimbulkan satu persoalan. Penulis seterusnya mengemukakan pandangan bahawa golongan ulama yang melihat penghujahan hadis dalam pembinaan tatabahasa Arab digolongkan kepada tiga, iaitu menolak keseluruhan, menerima semua, menerima dengan bersyarat (hlm.

63). Kesimpulannya ialah hadis merupakan sumber penting dalam pembinaan ilmu Nahw dengan syarat-syarat tertentu khususnya apabila hadis yang diambil itu adalah diriwayatkan secara *tawatur*, iaitu tanpa berlaku sebarang keraguan terhadap keasliannya dari segi lafaz dan makna.

Ungkapan Arab sebagai sumber penghujahan ilmu Nahw tidak dapat diketepikan, sama ada dalam bentuk puisi mahupun prosa. Penulis secara terperinci mengkelaskan jenis puisi yang digunakan dalam penghujahan ilmu Nahw mengikut era puisi itu digubah. Dari zaman Jahiliyyah hinggalah zaman Abasiyyah pada abad ke-2 Hijrah. Dua era iaitu Jahiliyyah dan awal Islam, gubahan puisi pada kedua-dua era ini boleh dijadikan hujah. Sebaliknya pada era Islam dan Zaman Abasiyyah kebanyakan puisi yang lahir pada era ini perlu diteliti dengan syarat-syarat seperti pemuisi *thiqqah* untuk diterima sebagai hujah ilmu Nahw. Manakala prosa pula ialah ungkapan Arab yang tidak terikat dengan rima dan irama (hlm. 78) iaitu ucapan bebas dari gaya syair (puisi) yang perlu patuh kepada wazan dan qafiyah. Dalam hal ini penulis menjelaskan dua syarat utama yang membolehkan prosa dijadikan hujah ilmu Nahw, iaitu faktor masa dan tempat. Masa yang membolehkan prosa digunakan sebagai hujah ialah pada era jahiliyyah sehinggalah pada akhir abad ke-2 Hijrah. Ungkapan lisan atau bertulis pada era ini dianggap sah untuk dijadikan hujah dalam ilmu Nahw oleh sarjana bahasa Arab. Manakala faktor tempat pula melibatkan penduduk Arab yang tinggal berjauhan daripada bercampur dengan bangsa *Ajam*. Dalam konteks ini, aliran Basrah dilihat amat berpegang teguh dengan prosa Arab dan teliti dalam pemilihan Kabilah untuk menentukannya sebagai sumber pembentukan ilmu Nahw. Sebaliknya aliran Kufah dilihat sebagai begitu terbuka menerima penghujahan prosa (hlm. 80).

Sejarah perkembangan ilmu Nahw dalam bab yang kelima merupakan bahagian yang paling mendalam kupasannya. Penulis secara mendalam menelusuri perkembangan ilmu Nahw dengan membahagikannya kepada empat tahap, iaitu pengasasan, pertumbuhan, kematangan dan pentarjihan. Setiap tahap ini ditandai dengan petunjuk berikut:

1. Tahap pengasasan dipelopori oleh aliran Basrah, dan ia merupakan penerusan usaha yang dimulakan oleh Abu Aswad al-Du'ali. Seterusnya dua karya dalam bidang ini, iaitu *al-Jāmi'* dan *al-Ikmāl* yang tidak sampai kepada generasi selepasnya (hlm. 83).

2. Bermula di Basrah, pertumbuhan ilmu Nahw dapat dilihat pada era Khalil b. Ahmad (175 H). pada tahap ini ilmu sorf (morfologi) mula diberi perhatian. Aliran Kufah dianggap sebagai pengasas ilmu ini (hlm. 85). Pada tahap ini juga persaingan antara dua aliran Nahw mula dilihat, iaitu aliran Basrah dan Kufah. Pada era ini juga lahirnya buku "al-Kitab" oleh Sibawayh.
3. Tahap kematangan pula ditandai dengan ketaksuban pengikut dan pendokong aliran Nahw dan aliran politik masing-masing. Di samping itu juga ada usaha untuk mengalahkan pihak lawan dengan dalil dan hujah masing-masing. Era kematangan ini berakhir apabila berlaku ketidakstabilan dalam negara, iaitu di Basrah dan Kufah. Ekoran daripada itu, para sarjana dan tokoh tatabahasa mula berhijrah ke kota Baghdad (hlm. 89).
4. Tahap terakhir pula ialah proses di mana dua aliran ilmu Nahw Basrah dan Kufah cuba dirapatkan dengan melakukan kajian, menilai dan menyaring pandangan daripada kedua-dua aliran ini. Pandangan yang terkuat akan digabungkan untuk mewujudkan keharmonian dalam aliran ini. Inisiatif ini bermula dengan pemergian al-Akhfash al-Awsat Sa'īd b. Mas'adah ke Baghdad (hlm. 89).

Selanjutnya dalam bab yang sama, penulis menelusuri aliran Basrah dan Kufah dan kaedah yang digunakan oleh pendukung aliran masing-masing dalam membina ilmu tatabahasa Arab. Masing-masing menggunakan dua kaedah iaitu *Sama'ī* dan *Qiyas*. Seperti yang diterangkan dalam bab keempat, sekali lagi sumber ambilan ilmu Nahw dibahaskan dalam bahagian ini. Kesimpulannya ialah pendirian yang berbeza terhadap ambilan sumber inilah yang sebenarnya melahirkan perbezaan aliran antara Basrah dan Kufah.

Bahagian terakhir bab ini juga menonjolkan tokoh-tokoh yang lahir daripada kedua-dua aliran ini. Sesungguhnya setiap tokoh ini sebenarnya mempunyai hubungan antara guru dan murid. Setiap peringkat perkembangan ilmu Nahw sebenarnya adalah sumbangan daripada guru dan murid. Betapa tingginya budaya ilmu dalam peradaban Islam.

Kemunculan aliran baru dalam pembangunan ilmu Nahw, iaitu aliran Baghdad dibahaskan dalam bab yang keenam. Idea aliran ini dipelopori oleh al-Akhfash al-Awsat yang telah menggabungkan kedua-dua aliran Nahw ini menjadi satu aliran yang baru. Namun begitu, kewujudan aliran Baghdad ini tidak diterima oleh sebahagian sarjana seperti Dr. Abdul

Fatah al-Shalabi (hlm.163) dengan alasan bahawa golongan ini hanya mencampur adukkan pandangan dua aliran Nahw dan bukannya membangunkan aliran yang baru. Kemunculan aliran Baghdad ini bermula dengan pengembaraan sarjana aliran Kufah ke Baghdad iaitu al-Kisa'i (189H) dan menyebarkan aliran Kufah di sana.

Bab terakhir ini merupakan kesimpulan kepada keseluruhan perbincangan daripada bab satu sehingga bab ketujuh. Buku ini sesungguhnya amat banyak manfaat dan sumbangannya kepada sumber perkembangan ilmu Nahw bahasa Arab. Perbincangan yang dihidangkan sesuai kepada semua peringkat, baik sarjana mahu pun golongan peringkat sekolah menengah boleh mengikuti perbincangan buku ini dengan baik. Malah dengan menatap buku ini,

pembaca seakan-akan sedang membaca sebuah karya yang ditulis dalam bahasa Arab. Hal ini benar kerana dalam tradisi keilmuan Melayu sendiri, Islam telah berjaya melahirkan tokoh-tokoh ilmuan besar dalam pelbagai disiplin ilmu di kawasan nusantara ini. Maka buku ini diterbitkan tepat pada masanya di mana dunia hari ini sering dihidangkan dengan pelbagai maklumat sehinggakan aspek ketamadunan ilmu dalam dunia Islam seringkali terabai.

Prof. Madya Dr. Azman Che Mat  
Akademi Pengajian Bahasa  
Universiti Teknologi MARA  
Dungun, Terengganu  
e-mail: azman531@tganu.uitm.edu.my



## BORANG PESANAN/ORDER FORM



**PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

43600 UKM Bangi, Selangor D.E., MALAYSIA

Tel: 03-89213138, 89212321 Faks: 03-89254575

Harap bekalkan judul berikut kepada pihak kami.

*Please supply the following titles to us.*

Judul/Titles	Kuantiti <i>Quantity</i>	Harga ASEAN @ (RM)	Overseas price @ (US \$)	Jumlah Harga <i>Total Price</i>
<i>Islāmiyyāt</i> Jil/Vol. 24 (2003)	1	25.00	20.00	
<i>Islāmiyyāt</i> Jil/Vol. 25(1) 2004 –	1	25.00	20.00	
<i>Islāmiyyāt</i> Jil/Vol. 26(2) 2004	1	25.00	20.00	
<i>Islāmiyyāt</i> Jil/Vol. 27(1) 2005 –	1	25.00	20.00	
<i>Islāmiyyāt</i> Jil/Vol. 27(2) 2005	1	25.00	20.00	
<i>Islāmiyyāt</i> Jil/Vol. 28 (2006)	1	25.00	20.00	
<i>Islāmiyyāt</i> Jil/Vol. 29 (2007)	1	25.00	20.00	
<i>Islāmiyyāt</i> Jil/Vol. 30 (2008)	1	25.00	20.00	
<i>Islāmiyyāt</i> Jil/Vol. 31 (2009)	1	25.00	20.00	
<i>Islāmiyyāt</i> Jil/Vol. 32 (2010)	1	25.00	20.00	
<i>Islāmiyyāt</i> Jil/Vol. 33 (2011)	1	25.00	20.00	
Pos/Postage:			RM/US	
Jumlah Besar/Total:			RM/US	

Bayar bank draf/wang kiriman atas nama/*Make your bank draft/money orders payable to* Bendahari, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nama Pemesan/*Customer*: .....

Alamat/*Address*: .....

Jabatan/Syarikat/*Department/Company*: .....

Jawatan/*Position*: ..... Tanda tangan/*Signature*: .....

Disertakan/*Attached*: bank draf/wang kiriman/*bank draft/money order no*: .....

Post/*Postage*: Malaysia & Singapore tambah/*add* RM2.00 senaskhah/*per copy*

: *Other countries add US\$4.00 per copy.*